

13/01/2003

FAM bagai memetik loceng kecemasan

Raja Ahmad Zainuddin

TEGURAN presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), Sultan Ahmad Shah betapa perhatian lebih serius wajar diberikan oleh setiap anggota gabungannya mengenai soal pengurusan dan pentadbiran masing-masing, perlulah dilihat sebagai nasihat bapa kepada anak-anak.

Banyak buruk daripada baiknya jika anak-anak terlalu dimanjakan. Demikian jugalah rakyat tidak boleh selama-lamanya mengharap subsidi kerajaan jika mereka ingin berjaya. Seperti juga ingatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad betapa kekuatan kita tidak boleh disandarkan kepada tongkat semata-mata.

Setelah hampir 15 tahun memasuki era pro, anggota gabungan FAM sewajarnya sudah mula berkira-kira untuk berdikari. Dalam usia itu, mereka tidak lagi perlu disusukan.

Saya yakin baginda begitu telus dan anggota gabungan hendaklah mentafsirnya seperti anak yang telah dewasa dan berfikiran matang. Barangkali FAM bagaikan membunyikan loceng kecemasan kerana menjelang 2005, Dunhill tidak lagi dibenarkan menjadi penaja.

Ini bermakna anggota gabungan FAM kenalah mengikat perut seperti sewaktu negara menghadapi kelembapan ekonomi dunia sedikit masa dulu.

Kita kenalah akur dengan dasar kerajaan. Cuma yang menjadi sedikit kemusykilan ialah sejauh mana larangan ke atas syarikat rokok dalam penajaan program sukan kerana sebagaimana kita tahu Formula One juga membabitkan sebuah syarikat rokok terbesar.

Selain itu, sepak takraw pernah ditaja sebuah lagi syarikat pengeluar rokok. Saya tidak berhasrat untuk mempertikaikan larangan itu, tetapi Kementerian Kesihatan wajar memberi penjelasan lebih mendalam kepada badan-badan sukan tentang setakat mana bentuk iklan yang dilarang ke atas syarikat-syarikat berkenaan.

Atau mungkin ada garis panduan lain dalam soal pengiklanan syarikat rokok dalam mana-mana kejohanan sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa bagi satu tempoh tertentu atau ia dilarang sama sekali?

Begitupun, kita percaya kerajaan terutama Kementerian Belia dan Sukan sudah tentu ada cara lain untuk membantu badan-badan sukan yang kehilangan tajaan oleh syarikat-syarikat berkenaan selepas arahan keras Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Kita percaya akan tampil syarikat-syarikat baru untuk mengambil alih tanggungjawab menaja sukan bertaraf pro di negara ini selagi kita boleh meyakinkan mereka bahawa kita sememangnya serius dalam menjayakan program sukan.

Oleh sebab itu jugalah, presiden FAM sekali lagi dalam mesyuarat majlis di Pulau Pinang baru-baru ini, meminta agar seluruh anggota gabungannya lebih bertanggungjawab, komited dan bersikap profesional untuk menjayakan agenda bola sepak tanah air.

Seperti disampaikan oleh naib presiden, Datuk Seri Dr Ibrahim Saad betapa FAM mahu agar setiap pengurusan bola sepak negeri mengelak daripada terbabit dalam sebarang pertikaian kerana kegagalan melunaskan hutang dan pembayaran gaji bukan saja boleh menjatuhkan imej mereka, tetapi juga imej bola sepak keseluruhannya.

Selanjutnya, Sultan Ahmad mahukan kebangkitan skuad muda negara selepas kejohanan Piala Tiger bulan lalu menjadi pendorong kuat kepada setiap negeri untuk terus mempertingkatkan lagi peranan masing-masing bagi memastikan pemain mendapat pendedahan secukupnya, di samping bercita-cita

memenangi piala-piala yang dipertandingkan musim ini.

Dalam hubungan ini, persatuan negeri perlulah berkorban melepaskan pemain untuk menjalani latihan skuad kebangsaan walaupun akibatnya mereka tidak beraksi dalam Liga Perdana. Mungkin juga ada antara pemain ini ditempatkan di luar negara.

Bagi pemain yang dilepaskan majikan tidaklah perlu bimbang kerana gaji mereka yang dipanggil untuk menyertai skuad kebangsaan akan dibayar oleh FAM supaya tumpuan mereka ketika latihan tidak terjejas.

Kita juga mengalu-alukan langkah jawatankuasa pertandingan untuk mewajibkan setiap pasukan yang bertanding dalam Liga Perdana menyenaraikan dua pemain bawah 21 tahun. Langkah ini adalah usaha positif ke arah mendedahkan mereka dalam pertandingan lebih mencabar.

Dengan demikian diharap lebih ramai pemain muda berbakat diketengahkan untuk persiapan pasukan kebangsaan bagi tempoh jangka panjang.

Mesyuarat FAM yang diadakan buat pertama kali di luar ibu negara juga membincangkan banyak perkara manakala Persatuan Bolasepak Pulau Pinang turut mengambil kesempatan mengadakan majlis jamuan makan malam yang turut dihadiri Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abas.

Di majlis yang turut dihiburkan oleh artis tempatan termasuk L Ramlee juga menyaksikan PFA menerima sumbangan derma daripada beberapa syarikat tempatan kepada presidennya Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yang kelihatan amat ceria sepanjang rombongan FAM berada di Pulau Mutiara itu.

Dr Koh dalam ucapan aluannya juga berjaya mencuit hati hadirin dengan perwatakan selamba, tetapi cukup berkesan dan melihat keprihatinannya tentang perjalanan bola sepak di Pulau Pinang, sekalipun beliau adalah ketua eksekutif negeri yang sibuk dengan tugas-tugas rasmi.

Oleh itu, tidak hairanlah beliau secara telus menyatakan betapa Pulau Pinang masih bagaikan harimau kumbang yang lapar untuk memenangi Piala Malaysia, setelah berjaya memeluk Piala Liga pada 2001 dan Piala FA musim lalu, dengan tidak mengetepikan keinginan untuk memeluk Piala Sumbangsih pada perlawanan menentang Selangor pada 9 Februari di Stadium Batu Kawan sebagai tirai pembuka Liga Perdana edisi 2003.

Pulau Pinang juga turut mengambil kesempatan menawarkan gelanggangnya jika Malaysia menjadi tuan rumah Piala Tiger 2004. Satu negara yang ditetapkan oleh Persekutuan Bolasepak Asean (AFF) bagi penganjuran bersama itu ialah Kemboja.

Sejak piala itu diperkenalkan di Singapura pada 1996, Malaysia belum pernah menjadi tuan rumah kejohanan itu..

Akhir kata, saya merasakan masih belum terlambat untuk mengucapkan tahniah kepada akhbar Berita Harian yang berwajah baru yang jelas memberi satu nafas baru kepada perkembangan industri media cetak di negara ini untuk terus memberi pembaharuan kepada pembaca.